



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**25 Mac 2024
14 Ramadan 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	•
Sinar Harian	• Kenerak spesies eksotik Sungai Pahang
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Awani	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	8	25.3.2024

Kenerak spesies eksotik Sungai Pahang



Selain Sungai Pahang, kenerak turut mendiami lembangan Sungai Kelantan dan Terengganu.

Populasi masih terkawal, berhabitat tanpa gangguan

KUANTAN

Sungai Jelai yang terletak di Kampung Mela, Kuala Lipis menjadi salah satu lubuk ikan kenerak (*Bagarius yarrelli*) di Semenanjung Malaysia.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, ikan pemangsa yang bermisai dan bergigi tajam itu juga membiak di sepanjang lembangan Sungai Pahang.

Menurutnya, kaedah penangkapan ikan menggunakan pukot, pancing dan rawai oleh nelayan mahu pemancing secara terkawal membolehkan spesies ini terus berhabitat

tanpa gangguan.

"Pembiakan ikan ini masih seperti biasa malah setiap tahun, jabatan dengan penglibatan pegawai penyelidik dari Institut Penyelidikan Perikanan menjalankan inventori sumber perikanan darat (sungai).

"Ia bertujuan memantau biodiversiti dan populasi spesies-spesies ikan di sungai negeri ini.

"Ikan ini masih hidup bebas kerana habitatnya di kawasan jeram berbatu, struktur berkayu dan berarus deras," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau menjelaskan ikan berkepala besar yang memiliki corak celoreng itu merupakan spesies asli Sungai Pahang namun terdapat juga di lembangan Sungai Kelantan dan Terengganu.



ABDULLAH

Ujarnya, ikan kenerak dari keluarga *Sisoridae* tidak diternak untuk tujuan akuakultur malah spesies itu jarang dijual di pasaran terbuka kerana lazimnya ia hanya digemari peminat tertentu ikan sungai sahaja.

Menurut Abdullah, harga pu-

rata pasaran kenerak antara RM30 hingga RM40 sekilogram bergantung kepada lokasi dan kebiasaan dimasak resipi tempatan iaitu asam rong atau gulai tempoyak.

Beliau berkata, pada masa ini pihaknya belum lagi melakukan pembiakan ikan tersebut berbanding spesies ikan air tawar lain seperti patin, baung, keli, kelah dan temelian.

"Namun, kita ada kepakaran sekiranya ada keperluan untuk membuat pembenihan ikan kenerak," katanya.

INFO KENERAK

- Spesimen dewasa mampu mencapai panjang 1-2 meter dan berat boleh melebihi 10 kilogram.
- Ikan ini turut digelar baung askar, ikan combat dan juga baung bodoh.
- Turut mendiami sungai di India, Nepal dan di bahagian lain Asia Selatan dan Asia Tenggara.

